

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger
Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online
Or Not?

JEBAT
Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



¹Noorsaliza Amin Nudin, ²Nor Laila Ahmad & ²Hazlina Mohd Padil

¹Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang.

²Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan.

Pengenalan

Kanak-kanak pada zaman teknologi sekarang sudah mula terdedah dengan gajet seperti telefon pintar, tab, komputer dan televisyen seawal usia 1 tahun lagi dan tanpa ibu bapa sedari, anak-anak yang pada mulanya menggunakan gajet untuk belajar perkara-perkara asas seperti mengenali ABC, sudah mula menggunakan gajet setiap hari untuk meneroka internet seterusnya menyebabkan mereka mengalami ketagihan gajet yang melampau.

Tambahan pula, dengan adanya bermacam-macam video kartun yang menarik di saluran seperti Youtube dan aplikasi permainan atas talian ataupun games maka kanak-kanak kini lebih suka bermain gajet daripada bermain permainan sebenar baik di dalam mahupun di luar rumah.

Sebenarnya ramai ibu bapa yang takut anak-anak mereka ketinggalan

atau tidak mengikut peredaran zaman jika tidak diberi pendedahan terhadap penggunaan gajet. Ini kerana, anak-anak yang bersekolah rendah pun sudah menggunakan komputer dan telefon pintar untuk menghadiri kelas dalam talian atau membuat kuiz dan latihan yang diberikan oleh guru.

Di musim pandemik Covid-19 ini pula, masa kanak-kanak bersama gajet meningkat secara mendadak untuk menghilangkan kebosanan mereka yang terpaksa berada di rumah sepanjang hari. Namun, ibu bapa perlulah berhati-hati supaya kadar penggunaan gajet anak-anak tidak berlebihan sehingga boleh menimbulkan ketagihan gajet yang serius dalam kalangan mereka. Oleh itu, ibu bapa perlu peka dengan keadaan semasa anak-anak sama ada mereka sedang mengalami ketagihan gajet yang melampau atau tidak sebelum terlambat.

10 TANDA KANAK-KANAK SEDANG MENGALAMI KETAGIHAN GAJET YANG SERIUS



36 | BizNews 2021

Photo by Tim Gouw on Unsplash

eISSN 2600-9811



Photo by McKaela Taylor on Unsplash

10 Tanda Kanak-Kanak Mengalami Ketagihan Gajet yang Serius.

1. Gangguan emosi

Sekiranya anak anda merasa tidak tentu arah dan gelisah serta tidak mahu membuat apa-apa selain bermain gajet maka ini menunjukkan bahawa mereka sedang mengalami ketagihan gajet yang melampau.

Menurut Ammar Kamalini (2016), dalam satu kajian yang dilakukan di US terhadap 200 pelajar yang diasingkan daripada telefon pintar selama 24 jam. Mereka diminta untuk mencatatkan apa yang mereka rasai sepanjang tempoh tersebut. Dapatan kajian tersebut menemukan ada di antara mereka yang merasa gelisah dan menyatakan, betapa kuatnya perasaan mahu meramas rambut seperti

eISSN 2600-9811

ketagihan dadah.

2. Tidak berminat bermain di luar dan semakin pasif

Kanak-kanak yang mengalami ketagihan gajet biasanya mereka akan hilang minat untuk bermain dengan permainan sebenar dan semakin tidak berminat untuk bermain di luar rumah seperti menaiki basikal dan bermain bola bersama kawan-kawan. Mereka lebih suka dan cenderung untuk bermain games dengan menggunakan gajet berbanding bermain permainan sebenar seperti anak patung, lego, pistol mainan dan sebagainya.

3. Masa bermain gajet semakin meningkat

Apabila tempoh masa anak-anak bermain bersama gajet semakin lama maka ini menunjukkan ketagihan mereka dalam menggunakan

gajet untuk bermain. Kanak-kanak seperti ini tidak boleh berehat dalam masa yang lama tanpa gajet. Mereka hanya mampu berehat dalam masa yang singkat dan kembali mencari gajet untuk menghilangkan kebosanan.

"Masa tidur berkualiti kanak-kanak terjejas kerana mereka sukar tidur apabila terlalu memikirkan gajet."

4. Buta persekitaran

Kanak-kanak yang tidak peka dengan apa yang sedang berlaku di sekelilingnya atau berada di dalam dunia mereka sendiri kerana terlalu fokus bermain bersama gajet sama ada sedang menonton

kartun atau bermain games menunjukkan mereka berada di tahap ketagihan gajet yang serius. Apabila dipanggil tetapi tidak dijawab atau apabila ditanya soalan mereka tidak memberikan respons kerana tidak sedar bahawa seseorang sedang bercakap dengan mereka kerana terlalu asyik bermain dengan gajet.

5. Tantrum

Kanak-kanak yang mengamuk atau tantrum apabila gajet diambil seolah-olah tidak boleh berpisah adalah tanda serius ketagihan terhadap gajet. Kanak-kanak seperti ini biasanya tidak boleh menerima arahan daripada ibu bapa untuk berhenti bermain gajet dan menunjukkan sikap yang agresif terhadap ibu bapa sebagai tanda protes apabila disuruh berhenti bermain dengan gajet.

6. Gajet menjadi ubat alternatif

Apabila kanak-kanak menghadapi masalah di rumah atau di sekolah, mereka akan mencari gajet seperti telefon pintar untuk melupakan masalah tersebut dan menenangkan diri dengan bermain games atau menonton video kartun. Jika tidak, mereka akan merasa murung.

7. Kurang bersosial

Ketagihan terhadap gajet menjadi semakin parah jika kanak-kanak semakin kurang berinteraksi dan bergaul dengan ahli keluarga atau kawan-kawan bahkan mereka lebih suka bersendirian bersama gajet. Bagi mereka, gajet adalah lebih penting dan menjadi kawan untuk bermain

bersama.

8. Sukar untuk tidur

Selain itu, penggunaan gajet yang berlebihan boleh menyebabkan masa tidur berkualiti kanak-kanak terjejas kerana mereka sukar tidur apabila terlalu memikirkan gajet. Mereka seolah-olah tidak sabar menunggu esok supaya mereka dapat bermain dengan gajet lagi. Jadi, ketagihan ini membuatkan mereka sukar untuk melelapkan mata.

9. Prestasi akademik mulai merosot

Kanak-kanak yang leka dengan gajet sebenarnya telah menghabiskan banyak masa seharian dan masa belajar mereka akan berkurangan. Jika dibiarkan, prestasi akademik akan mulai menurun dan merosot serta minat mereka untuk belajar juga sudah tiada lagi kerana lebih seronok bermain gajet.

10. Malas dan kurang kreativiti

Tidak dapat dinafikan kanak-kanak yang ketagihan gajet ini mempunyai sikap yang malas untuk membuat kerja rumah. Mereka lebih cenderung duduk bermain gajet berjam-jam tanpa membuat kerja rumah atau sekolah. Selain itu, kanak-kanak ini sudah mula kehilangan kreativiti bermain dengan permainan sebenar seperti mencipta sesuatu menggunakan lego yang sememangnya digemari oleh kanak-kanak normal.

Rumusan

Ketagihan bermain gajet dalam kalangan kanak-kanak adalah seperti ketagihan dadah. Ketagihan gajet

yang serius memerlukan bantuan doktor atau pakar psikologi untuk dikurangkan atau dihapuskan. Ibu bapa perlu bertindak segera sebelum terlambat demi menyelamatkan masa depan anak-anak kita.

Rujukan:

Ammar Kamalini (2016, Disember 23). 5 Tanda anak anda sedang alami ketagihan gajet yang serius. <https://www.thevocket.com/5-petanda-anak-anda-sedang-alami-ketagihan-gajet/>

Anis Affandi (2018, Mac 19). Terlampau ketagih dengan gajet, ini tanda-tanda anak anda dah 'Buta Persekitaran'! <https://siraplimau.com/terlampau-ketagih-dengan-gajet-ini-tanda-tanda-anak-anda-dah-buta-persekitaran/>

Saiful Nang Academy (2021). 3 Tanda anak ketagihan gajet yang ibu bapa perlu sedar. <https://www.snap.my/blogs/parenting/awasi-3-tanda-anak-ketagihan-gajet-ini>

"Kanak-kanak yang mengamuk atau tantrum apabila gajet diambil seolah-olah tidak boleh berpisah adalah tanda serius ketagihan terhadap gajet."



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash